



SEBAHAGIAN daripada pelajar Sekolah Antarabangsa Kinabalu yang berpeluang mengikuti Program Pemukiman Institut Penyelidikan Bioteknologi, Universiti Malaysia Sabah di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Pelajar ikuti program pemukiman IPB

UM 18.2.2015 26

KOTA KINABALU 17 Feb. - Seramai lima orang pelajar Sekolah Antarabangsa Kinabalu di sini berpeluang mengikuti Program Pemukiman Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Menurut kenyataan IPB, tujuan program itu adalah untuk memperkenalkan kepada para pelajar tentang bidang penyelidikan bioteknologi dan peluang kerjaya yang

berpotensi dalam bidang berke-
naan.

“Antara aktiviti program ialah ceramah berkaitan kerjaya dalam bidang bioteknologi selain melawat kemudahan-kemudahan IPB seperti Makmal Genomik, Biokimia dan Makmal Produk Asli,” jelas kenyataan itu.

Dalam lawatan itu para pelajar tersebut diiringi oleh dua orang guru pengiring.

Jelas IPB, semua peserta diberikan peluang merasai sendiri pengalaman dalam aktiviti ekstrakurikular asid deoksiribonukleik (DNA) yang kemudiannya diikuti dengan sesi kuiz.

Institut itu memberitahu, para peserta dilihat bersemangat dalam latihan dan aktiviti yang dijalankan serta memberi gambaran kecemerlangan penganjuran program tersebut.